

//////////

Perpustakaan Melayu

//////////

Qalam Menghadapi Perkembangan-perkembangan Persuratan Masa yang akan Datang

Dr Ismail Menteri Perniagaan dan Perusahaan Persekutuan Tanah Melayu dalam

kenyataannya kepada akhbar baharu-baharu ini menyatakan bahawa hendaklah orang-orang Melayu mengambil peluang yang seluas-luasnya di dalam perniagaan dan meletakkan dirinya di dalam usaha-usaha bermiaga itu. Ringkasnya maksud beliau supaya menggalakkan tiap-tiap rakyat Melayu berusaha dan bertenaga untuk keselamatan dirinya di dalam masa mencapai kemerdekaan kelak supaya segala peluang-peluang yang didapat itu janganlah hendaknya terlepas ke tangan orang lain.

//////////

Pendapat Dr Ismail itu sememangnya benar kerana kita orang-orang Melayu di dalam lapangan perniagaan jauh ketinggalan daripada bangsa-bangsa asing. Sebab-sebabnya tidak lain kerana orang Melayu kurang usahanya, kurang ikhtiarinya, kurang cekalnya dan kurang kerajinannya.


Perasaan galak menggalakkan di antara ahli-ahli perniagaan Melayu dan ahli perniagaan Melayu yang lainnya adalah sangat jauh dan sangat kurang dan kerana itulah jarang didapat kerjasama yang rapat di antara ahli-ahli perniagaan orang-orang Melayu itu iaitu selain daripada perkara kurang keahlian dan kurang kecekalan yang ada kepada mereka itu. Kerana sebab-sebab itulah maka beliau berkata apa juga peluang yang ada, sekali pun telah diusahakan melebihkan orang Melayu, tetapi akhirnya nyata dan terang yang demikian tidak dapat dipegang oleh orang-orang Melayu.

Kita melihat di ibu negeri Persekutuan Tanah Melayu sendiri tidak ada satu pun percetakan bangsa Melayu yang patut untuk menyelenggarakan usaha-usaha

percetakan yang bersifat ke-Melayuan. Segala percetakan yang telah lalu yang mengenai ke-Melayuan yang dibuat oleh kerajaan tidak ada langsung diusahakan di ibu kota Persekutuan Tanah Melayu itu oleh perusahaan-perusahaan Melayu – semuanya dibuat oleh perusahaan-perusahaan asing.

Kalau ada pun perusahaan-perusahaan yang percetakan di ibu kota Persekutuan itu dan percetakan itu dikelolakan oleh orang-orang Melayu maka pekerjaannya tidaklah dapat berbanding dengan percetakan bangsa asing – jauh bandingannya.

Hingga hari ini kita mengetahui dengan nyata di ibu Persekutuan Tanah Melayu belum ada sebuah percetakan Melayu dan kerana itulah segala percetakan Melayu sekarang terletak di dalam perusahaan orang Cina dan bangsa lain. Dan mereka itulah yang dapat manfaat daripadanya. Begitu juga keadaannya di lain-lain tempat di seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan kerana itulah benar, sebagaimana kata Dr Ismail bahawa peluang-peluang itu hanya didapat orang lain kalau sekiranya orang-orang Melayu sendiri



Entertype baharu yang dijalankan oleh A. Adnan


tidak dapat berusaha atau tidak dapat berbanding dengan perusahaan-perusahaan anak-anak dagang, yang demikian sangat dikesalkan.

Melihat pula kepada dasar-dasar pelajaran yang dijalankan maka jelas dan nyata bahawa Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan tulisan hendaklah tulisan rumi supaya tiap-tiap penduduk di Semenanjung Tanah Melayu ini dapat menjadikan Bahasa Melayu itu bahasa yang utama. Percetakan-percetakan Cina telah membuat penerbitan-penerbitan mereka yang mengenai terjemahan-terjemahan dari Bahasa Cina ke Bahasa Melayu dengan huruf rumi. Ura-ura hendak mengadakan buku-buku bacaan dengan huruf rumi semakin luas dalam masa menunggu saat kemerdekaan nanti akan tetapi apakah yang telah diambil oleh orang-orang Melayu sebagai persiapan mereka untuk merebut peluang di dalam perkembangan percetakan yang bersifat kemelayuan itu? Adakah nanti peluang-peluang ini hanya akan terserah kepada percetakan-percetakan asing yang dari dahulu

telah “kenyang” mendapat peluang-peluang daripada penerbitan Melayu itu. Hal ini adalah mustahak diperhatikan oleh tiap-tiap bangsa Melayu supaya nanti jangan pula peluang yang baik ini hanya Melayu menjadi pembacanya tetapi tidak ada diusahakan oleh bangsa Melayu sendiri.

Alhamdulillah, Qalam yang didirikan pada bukan Februari 1948 dengan permulaan bukunya Sabil Palestin dan memulai percetakannya pada bulan September 1950 hari ini telah cuba mengadakan persiapan-persiapan untuk menghadapi perkembangan-perkembangan yang bakal terbit daripada adanya bahasa Melayu dengan tulisan rumi sebagai bahasa dan tulisan rasmi di Persekutuan Tanah Melayu. Bolehlah dikatakan bahawa pada masa ini Qalam dengan percetakannya menjadi satu perusahaan yang boleh dibandingkan dengan perusahaan-perusahaan asing tentang kebersihan percetakannya dan alatan-alatannya untuk menghadapi perkembangan-perkembangan itu. Percetakan Qalam yang dimulai dengan sebuah mesin cetak kecil dengan mesin pemotong kertas yang kecil pada bulan September

sambungannya pada muka 37



Jentera cetak automatik yang baik.

tahun 1950 sekarang ini telah dapat maju ke hadapan sekalipun di antara tahun 1950 hingga 1956 ia menghadapi taufan bukannya saja dari luar tetapi dari dalam sehingga hampir-hampir pada suatu saat ia mati.


Tetapi Alhamdulillah dengan taufik dan hidayah Tuhan, dengan kecekalan dan tawakkal ia dapat dijalankan dengan baik, sehingga hari ini telah mempunyai 9 buah mesin cetak, sebuah enter-type, sebuah mesin pembuat huruf (*type caster*), sebuah mesin pelipat kertas, sebuah mesin jahit dan alat-alat kelengkapan yang lain yang boleh dibandingkan atau bolehlah berbanding sekadarnya dengan percetakan asing iaitu selain daripada menjadi

sebuah percetakan yang bolehlah dikatakan utama di dalam percetakan Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini.

Segala kejayaan, segala kebolehan dan segala yang ada itu tidak akan dapat jika tiada dengan kerjasama daripada ahli-ahlinya, kakitangannya yang berusaha siang dan malam untuk menjayakan percetakan Qalam itu melangkah ke hadapan dan mudah-mudahan akan terus melangkah menjadi sebuah percetakan Melayu yang utama di Semenanjung Tanah Melayu ini. Kita berharap dan berdoa pencinta-pencinta Qalam, percetakan Qalam akan mendapat bahan-bahan lain, alat-alat kelengkapan lain di dalam masa-masa tidak lama lagi dan di sebalik itu kami juga berharap mudah-mudahan rakan-rakannya, percetakan-percetakan Melayu yang lain akan sama-sama melangkah untuk merebut peluang-peluang yang terbuka sekarang sebagai

orang-orang Melayu untuk memajukan usaha-usahanya dalam percetakan dan perkembangan bahasanya kerana walau bagaimana perkembangan bahasa Melayu yang telah lalu dan yang akan datang adalah yang terbanyaknya terbit daripada usaha-usaha dan tenaga-tenaga dialirkkan oleh tempat-tempat percetakan orang-orang Melayu.


Mudah-mudahan yang demikian



*Ah Weng – Ketua pekerja-pekerja
cetak yang setia dan
bertanggungjawab sedang
sibuk memotong majalah-majalah keluaran
Qalam. Ia bekerja di pejabat Qalam
semenjak percetakan Qalam dibuka.*

digalakkan dan diperhatikan oleh pemerintah-pemerintah sama ada yang di Singapura atau di Persekutuan Tanah Melayu supaya perkara-perkara yang mengenai ke-Melayuan itu hendaklah dikerjakan dan diusahakan dengan memberi peluang terlebih dahulu kepada usaha-usaha bangsa Melayu. Mudah-mudahan yang demikian ini akan mendapat perhatian. ***

Ah Chu, pencetak Qalam yang telah bekerja lama dan sentiasa mencetak gambar berwarna baik dengan jentera baharu automatik buatan Jerman



SUAMI: SAYA TETAP MASIH SEPERTI DI ZAMAN MULA KAHWIN! ISTERI: TAK LAIN TAK BUKAN MAKJUN BAIDURI PUNYA FASAL BANG!

- (1) Makjun Baiduri: Untuk kaum wanita mengembalikan muda dara, sebotol \$2.50
- (2) Makjun Kuda: Bagi Lelaki: Menambah kekuatan kelakian, sebotol \$2.50
- (3) Makjun Nur al-Majlis: Untuk kaum wanita yang lepas beranak; menyucikan darah sihat badan sebotol \$1.50. Tiap pesanan sekurang-kurang empat botol pos percuma, jika sebotol kirimkan 60 sen bersama. Keterangan-keterangan dikirim dengan percuma. Boleh juga beli di tempat-tempat di bawah ini:

Wakil2: C. Mohd. b. Abbas, 285, Princess Rd. K. L. Che Nik Mohd, 16-17, J. Pasar, Sabak Bernam. Che Muda b. Abdullah, 3-A, J. Ah Sang, J. Bahru. Che Mahusain Ahmad, 2, Kangsar Rd. K. Kangsar, Wakil2 di Kelantan; Che Husain Sulaiman, 703, J. Che Su, K. Bahru. Che Haruu Daud, 2391, J. Kubang Pasu, K. B. Nik Sulaiman Hj. N. Ibrahim, 1660, J. Merbaa, K. B. Che Yam Che Mat, 3316-A, J. Sultan Zainah, K. B. Mahmud Haji Wook, 50 Market Street, Pasir Mas. W. Ali & Son, K. Besut, Trengganu.

C. LONG BIN ABU BAKAR.

No. 38, Jalan Kedai Hilir,
KUALA TRENGGANU,